

# Dialog terbuka dipromosi Islam asas bina keamanan negara



Pengarah Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Zuhaimi Abdul Rahim  
bhagama@bh.com.my

**Islam** menekankan prinsip toleransi, keharmonian dan keadilan seperti terkandung dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Antara ayat sering dirujuk ialah firman Allah SWT: *"Tiada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan benar daripada jalan salah."* (Al-Baqarah: 256).

Rasulullah SAW juga mengajarkan umat Islam menghormati penganut agama lain, memelihara hak mereka dan memastikan keadilan dalam berinteraksi. Baginda melayan penganut agama lain dengan penuh hormat dan keadilan, termasuk

berdiri menghormati jenazah seorang Yahudi lalu di hadapannya, sekali gus menunjukkan penghargaan terhadap nilai kemanusiaan.

Prinsip ini juga dicerminkan dalam Piagam Madinah, iaitu dokumen perlembagaan pertama menjamin hak kebebasan beragama dan keselamatan bagi semua penduduk Madinah, termasuk mereka bukan Islam.

Dengan mencontohi sikap keterbukaan Rasulullah SAW dan prinsip Islam, masyarakat Malaysia dapat membina persekitaran lebih aman, adil serta menghormati perbezaan.

Namun, perlu difahami terdapat perbezaan ketara antara toleransi dengan pluralisme yang menyamakan semua kebenaran dalam agama. Muslim beriman mesti berkeyakinan teguh hanya Islam benar, manakala agama lain ditolak di sisi Allah SWT seperti firman-Nya: *"Sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam."* (Ali Imran: 19)

Hakikatnya, Rasulullah SAW mempamerkan banyak contoh teladan terhadap pelbagai kaum di Madinah mencerminkan sikap adil dan kesepakatan bersama.

Rasulullah SAW berinteraksi dengan komuniti Yahudi dengan penuh adil dan hormat, termasuk membabitkan mereka dalam urusan keselamatan bersama kota Madinah dan tidak memaksa mereka memeluk Islam, sebaliknya menghormati perjanjian selama mereka mematuhi.

Melalui Perjanjian Hudaibiyah antara orang Islam dengan Musyrikin Makkah pula, kita dapat lihat keterbukaan Rasulullah SAW berdialog dengan pihak lain.

Walaupun perjanjian itu kelihatan merugikan orang Islam awalnya, Rasulullah SAW menerima syarat berkenaan demi menjamin keamanan dan hubungan baik antara kedua-dua pihak.

Hakikatnya, nilai diajarkan Rasulullah SAW boleh diamalkan di negara ini yang demografi penduduknya berbilang kaum dan agama. Kehidupan dalam masyarakat majmuk memerlukan tahap toleransi, hormat-menghormati dan pemahaman mendalam antara pelbagai kumpulan.

Nilai diajarkan Rasulullah SAW seperti toleransi dan keadilan terhadap penganut agama lain adalah prinsip boleh diaplikasi dalam masyarakat Malaysia. Prinsip itu dapat diterapkan dalam amalan seharian dengan memberi ruang kepada dialog antara penganut agama, menggalakkan pemahaman silang budaya dan memastikan undang-undang serta dasar kerajaan menjamin hak semua rakyat tanpa mengira latar belakang agama.

Malaysia sebenarnya menunjukkan contoh baik dalam konteks keharmonian antara agama. Sambutan perayaan seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas menyaksikan masyarakat pelbagai kaum berkumpul dan ziarah-menziarahi patut dibanggakan.

Selain itu, amalan rumah terbuka diadakan pelbagai komuniti menggalakkan interaksi dan saling memahami antara masyarakat pelbagai agama serta budaya, sekali gus mencerminkan bagaimana rakyat mempraktikkan nilai toleransi dan keharmonian ditunjukkan Rasulullah SAW.

Sistem pendidikan berperanan penting dalam membina keharmonian antara penganut agama. Subjek Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam misalnya, menggalakkan pelajar memahami nilai agama masing-masing sambil menghormati kepercayaan orang lain.

Usaha seperti ini dapat diperkuat dengan memperkenalkan lebih banyak modul menekankan teladan Rasulullah SAW dalam menghormati penganut agama lain dan pentingnya hidup bersama secara damai.

Walaupun Malaysia mencapai tahap keharmonian antara kaum baik, cabaran seperti prasangka agama, ekstremisme dan perbezaan pandangan politik kadangkala menjejaskan hubungan.

Namun, dengan mengambil iktibar daripada cara pemerintahan Rasulullah SAW membangunkan Madinah, kita boleh memperkukuh hubungan antara kaum dan agama. Sikap saling menghormati, dialog terbuka dan keadilan sosial dipromosikan Islam boleh menjadi asas untuk membina negara lebih aman dan bersatu.

## Pastikan kestabilan sosial dan politik

Perlu diingatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini penting untuk memastikan kestabilan sosial dan politik. Dengan pelbagai latar belakang etnik dan agama, setiap individu dan institusi perlu mempromosikan toleransi serta hormat-menghormati.

“Dialog berterusan boleh meningkatkan pemahaman, mengurangkan ketegangan dan menggalakkan keharmonian”

Antara langkah penting boleh diambil adalah melalui pendidikan yang dapat membina sikap toleransi sejak usia muda. Di sekolah, kurikulum perlu memberi penekanan kepada nilai sosial seperti hormat, keadilan dan toleransi diajarkan semua agama, termasuk teladan daripada Rasulullah SAW.

Modul pemahaman antara agama juga boleh diperkenalkan untuk menggalakkan pelajar mengenali serta menghormati kepercayaan lain.

Selain itu, dialog antara agama menjadi platform penting untuk mengatasi salah faham dan menggalakkan kerjasama. Pertubuhan agama, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi kerajaan boleh menganjurkan dialog antara pemimpin agama serta forum komuniti membincangkan isu bersama, cabaran dan cara memperbaiki hubungan.

Dialog berterusan boleh meningkatkan pemahaman, mengurangkan ketegangan dan menggalakkan keharmonian. Sikap terbuka serta hormat-menghormati dalam interaksi harian adalah asas keharmonian.

Masyarakat perlu mengamalkan nilai seperti mendengar pandangan orang lain, tidak menghakimi dan menghormati kepercayaan serta amalan agama orang lain.

Kerajaan turut berperanan penting dalam memperkenalkan dasar mempromosikan keharmonian antara agama seperti dengan menganjurkan pelbagai program dan inisiatif mempromosikan perpaduan. NGO dan masyarakat madani juga boleh menjalankan inisiatif menyokong dialog antara agama dan kerjasama komuniti.

Seterusnya, rakyat Malaysia sendiri perlu memanfaatkan media untuk menyebarkan pesan toleransi dan keharmonian berbanding menyebarkan perkara tidak berfaedah, kontroversi serta mengundang perpecahan masyarakat.

Media mempunyai kuasa besar dalam membentuk persepsi masyarakat. Penggunaan media bertanggungjawab dalam menyebarkan pesan positif terhadap toleransi dan keharmonian adalah sangat penting.

Kempen kesedaran, dokumentari dan kisah kejayaan perpaduan boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat menghargai serta menghormati kepelbagaian agama di negara ini.

Melalui cara ini, rakyat dapat menyumbang kepada suasana keharmonian lebih kukuh, memastikan setiap agama dan budaya dihormati, sekali gus membina negara bersatu padu dan aman.



(Foto hiasan)